

KAMPUS

Kita juga ada cerita

KURSUS PERTANIAN:

KE MANA HALA TUJU SISWA

Perkataan pertanian bukanlah asing dalam kalangan rakyat Malaysia malahan mahasiswa di negara ini sendiri.

Berkongsi mengenai pertanian, ia membawa maksud pengeluaran makanan dan barangan melalui perladangan, penternakan, dan perhutanan.

Malaysia amat kaya dengan pelbagai aktiviti pertanian, ini termasuklah penanaman sayuran dan tumbuhan, penghasilan padi, penternakan haiwan dan perladangan sawit, getah serta pembalakan.

Bagaimanapun, apa yang menjadi persoalan di sini bukanlah berkaitan bidang pertanian semata-mata, sebaliknya lebih menjurus kursus atau jurusan pertanian yang dilihat semakin menyepi dalam bidang pendidikan di negara ini.

Jika diperhatikan, di peringkat pendidikan, rata-rata mahasiswa

kini cenderung memilih kursus atau jurusan yang lebih popular seperti teknologi maklumat, komunikasi media dan kejuruteraan sebagai kerjaya masa depan mereka.

Ini yang menjadi tanda tanya terhadap kursus pertanian yang ditawarkan di sesebuah institusi pengajian tinggi, apakah ia akan terus mendapat sambutan atau terpinggir begitu sahaja selaras dengan kebangkitan kemodenan negara ini.

Tidak dinafikan masih ramai yang meminati kursus tersebut, tetapi ke mana hala tuju mahasiswa yang bergelar penuntut jurusan pertanian ini.

Isu kampus kali ini membawa pembaca menyelami sejauh mana relevan kursus pertanian dalam kalangan mahasiswa kini.

LIHAT HALAMAN 4 & 5



Kursus pertanian masih relevan

Permohonan mengikuti pengajian bidang ini meningkat



ISU KAMPUS

Meskipun pada era 80 dan 90-an kursus pertanian mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan mahasiswa tempatan, tetapi ia dilihat semakin sepi sejak kebelakangan ini.

Faktor ini berpunca daripada kepelbagaian kursus lain yang berjaya memikat hati mahasiswa kini berbanding kursus pertanian itu sendiri.

Sementelah sejak tahun 1931 lagi, hanya Universiti Putra Malaysia (UPM) yang dahulunya terkenal sebagai Kolej Pertanian Malaya atau Universiti Pertanian Malaysia sebelum ia dinaiktarafkan, menawarkan pengkhususan kursus-kursus pendidikan dalam bidang pertanian di negara ini.

Menurut Dekan Fakulti Pertanian UPM, Profesor Dr Abdul Shukor Juraimi, fenomena tersebut berlaku



ketika era itu kerana kegawatan ekonomi menyebabkan ramai mahasiswa tidak mendapat pekerjaan kerana pihak kerajaan dan swasta membekukan pengambilan pekerja baharu.

"Sebagai alternatif, kerajaan memperkenalkan dan mempromosi program siswazah tani kepada mahasiswa yang berminat. Bagaimanapun, apabila ekonomi pulih peluang pekerjaan dibuka semula sehingga menyebabkan kursus tersebut (program siswazah tani) tidak dipromosikan lagi.

"Rentetan perkara itu, ia tidak menampakkan kewujudan program tersebut hari ini. Bagaimanapun masih ramai mahasiswa berminat dalam bidang ini dan ia dibuktikan

dengan permohonan mengikuti kursus ini yang ditawarkan UPM setiap tahun," katanya.

Ujar Abdul Shukor, pihaknya menerima banyak permohonan kemasukan ke fakulti pertanian UPM sehingga terpaksa menolak permohonan mereka kerana kuota ditetapkan telah dipenuhi.

"Di fakulti pertanian kami menawarkan enam kursus pengajian yang mana bagi tahun 2016, seramai 625 mahasiswa telah mengikuti kursus ini.

"Selain itu UPM sebagai sebuah universiti yang berteraskan pertanian mempunyai lapan fakulti, enam institut penyelidikan, satu taman dan satu pusat yang berkaitan dengan pertanian atau rantaian bekalan makanan.

"Setiap fakulti menawarkan program-program berkaitan pertanian yang menjadikan jumlah keseluruhan pengambilan pelajar baharu dalam bidang pertanian di UPM adalah sekitar 1,000 pelajar setahun," jelas Abdul Shukor.

Selit silibus pendidikan baharu

PENSYARAH Kanan Jabatan Sains Tanaman UPM, Dr Siti Zaharah Sakimin, percaya bagi membolehkan bidang ini pesat bersaing pengaplikasian dan penggunaan teknologi-teknologi terkini, ia perlu dimasukkan dalam silibus pendidikan bagi memastikan penuntut mendapat input terkini mengenai perkembangan teknologi canggih dalam bidang pertanian.

"Aplikasi canggih seperti 'remote sensing' dan penanaman menggunakan rumah lindungan hujan yang lengkap dengan integrasi 'green technology' akan menarik minat lebih ramai golongan muda tertarik kepada bidang ini.

"Sokongan pihak kerajaan juga penting melalui bekalan input-input teknologi semasa diperlukan institusi-institusi pendidikan bagi melancarkan proses pendidikan dalam melahirkan graduan berkualiti dan berdaya saing.

"Berkonsepkan pertanian adalah peniagaan (agriculture is a business), saya yakin ia menjadi medan jelas untuk pendidik mendidik mahasiswa pertanian supaya berpengetahuan luas," katanya.



Gambaran negatif bidang pertanian

KESUKARAN mendapatkan pekerjaan adalah salah satu faktor mengapa jurusan pertanian kurang mendapat perhatian kalangan mahasiswa. Jika berpeluang mendapat pekerjaan sekalipun, siswa enggan bekerja kerana perlu bermandikan peluh dan berpanas di kebun atau ladang.

Walaubagaimanapun, mahasiswa Sarjana Muda Ekologi dan Biodiversiti, Universiti Malaya, Muhammad Izat Abu Talib, 24, berkata, usaha sesetengah pihak yang menubuhkan kolej pertanian seperti Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM), Alor Gajah, Melaka, harus dipuji kerana berusaha melahirkan graduan pertanian negara. Dengan kewujudan UCAM ini, Malaysia masih lagi memiliki golongan pelapis dalam sektor pertanian.

